

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL.5/2010
(*Disemak 2012*)

**Penyeragaman Kadar Sewa Bagi Sekolah Bantuan Modal
Dan Sekolah Persendirian Dalam Negeri Sembilan**

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penyeragaman kadar sewa bagi sekolah bantuan modal dan sekolah persendirian dalam Negeri Sembilan.

2. LatarBelakang

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 20.08.1986 telah bersetuju supaya semua sekolah rendah dan sekolah menengah yang menerima bantuan modal serta sekolah-sekolah lain di Negeri Sembilan di bawah kawalan Kementerian Pelajaran termasuk sekolah-sekolah '*missionary*' dikecualikan daripada bayaran sewa. Dengan adanya keputusan ini maka segala tanah serta denda lewat yang belum dibayar oleh semua sekolah yang berkaitan dihapuskan.
- 2.2 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 3.11.1999 telah mengambil maklum keputusan Majlis Tanah Negara untuk menyelaraskan kadar sewa Sekolah Bantuan Modal di seluruh Negara sebanyak RM1.00 bagi satu hakmilik. Walaubagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan memutuskan dan bersetuju upaya keputusan pada 20.08.1986 dikekalkan.
- 2.3 Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 26.5.2010 telah bersetuju agar sewa bagi Sekolah Bantuan Modal dan Sekolah Persendirian dalam Negeri Sembilan diseragamkan kepada RM1.00 (satu ringgit) mulai tahun 2010 dan endosan perlu dibuat ke atas hakmilik-hakmilik yang berkenaan. Kadar ini akan berkuatkuasa selama hakmilik tersebut digunakan bagi tujuan pendidikan sahaja atau sehingga suatu dasar baru diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana lebih awal.

3. **Pelaksanaan**

- 3.1 Dibatalkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 3.11.1999 berkenaan Cadangan Pelarasan Sewa Tapak Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal).
- 3.2 Diluluskan pengendosan penyeragaman sewa bagi Sekolah Bantuan Modal yang mempunyai hakmilik sahaja dan terletak di luar tanah ladang/estet kepada satu kadar nominal RM1.00 (satu ringgit) mulai tahun 2010 dan endosan perlu dibuat ke atas hakmilik-hakmilik yang berkenaan. Keputusan ini juga merangkumi Sekolah Persendirian yang tidak berunsurkan keuntungan seperti di Lampiran A. Kadar ini akan berkuatkuasa selama hakmilik tersebut digunakan bagi tujuan pendidikan sahaja atau sehingga suatu dasar baru diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana lebih awal.
- 3.3 Sekiranya ada di kalangan Sekolah Bantuan Modal atau persendirian tersebut yang mempunyai tunggakan sewa, permohonan hapuskira perlu dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.4 Sekiranya ada di kalangan Sekolah Bantuan Modal atau persendirian yang telah membayar sewa tahun 2010 pada kadar penuh, pembayaran balik boleh dibuat atas permohonan pemilik berdaftar bagi tapak tanah tersebut.

4. **TarikhKuatkuasa**

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

t.t

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah danGalian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 9 Jun 2010

Rujukan : (49)dlm. PTG.NS 10/14 Klt. 2

LAMPIRAN A**SENARAI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH
PERSENDIRIAN DI NEGERI SEMBILAN**

| BIL | NAMA SEKOLAH | ALAMAT SEKOLAH | NAMA PENGETUA | NO. TEL/FAX |
|------------|---|--|--------------------------------|--------------------------|
| 1. | SEKOLAH RENDAH ISLAM SEREMBAN(SRI) | 120, JALAN DATO' KELANA MAAMOR, 70200 SEREMBAN | PN. KHAIRANI BINTI MOKHTAR | 06-7633777 06-7633777 |
| 2. | SEKOLAH TINGGI CHUNG HUA SEREMBAN | JALAN. TUN DR. ISMAL, 70200 SEREMBAN | DR. SUA SIN ZANG | 06-7612782 06-7621890 |
| 3. | SEKOLAH MENENGAH CHUNG HUA PORT DICKSON | 71000 PORT DICKSON, N. SEMBILAN | EN. CHAI SEONG SHIH | 06-6471282 06-6472899 |
| 4. | SEKOLAH TINGGI METHODIST(P) | JALAN LEE SAM, 70000 SEREMBAN | CHOR SWEE MENG | 06-7620068 06-7618790 |
| 5. | SEKOLAH MENENGAH SRI SETIA | 120, JALAN DATO' KELANA MAAMOR, 70200 SEREMBAN | TN HJ. BADROL HISHAM B. AHMAD | 06-7644585 06-7633777 |
| 6. | SEKOLAH TINGGI ISLAM AS-SOFA | KG. BKT. SEMBILAN, KM 35, JLN. SEREMBAN TAMPIN, 71350 KOTA, REMBAU | PN. NIK NORZILAWATI RAJA AHMAD | 06-4450419 06-4450363 |